



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

JUMAAT, 23 FEBRUARI 2024

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

23/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>[TOWN HALL RAKYAT] BERSAMA NANCY SHUKRI</b>	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/650890/live-video/town-hall-rakyat-bersama-nancy-shukri">https://www.sinarharian.com.my/article/650890/live-video/town-hall-rakyat-bersama-nancy-shukri</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=ojwuaetZjPA">https://www.youtube.com/watch?v=ojwuaetZjPA</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>NOKTAH STIGMA 'DATANG BULAN'</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/WM/2024/02/1063030/noktah-stigma-datang-bulan">https://www.hmetro.com.my/WM/2024/02/1063030/noktah-stigma-datang-bulan</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.thestar.com.my/lifestyle/family/2024/02/22/this-programme-aims-to-tackle-period-poverty-and-reproductive-health-education">https://www.thestar.com.my/lifestyle/family/2024/02/22/this-programme-aims-to-tackle-period-poverty-and-reproductive-health-education</a>	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>JUALAN KRAFTANGAN WANITA TERANIAYA JADI TARIKAN</b>	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/650900/berita/nasional/jualan-kraftangan-wanita-teraniaya-jadi-tarikan">https://www.sinarharian.com.my/article/650900/berita/nasional/jualan-kraftangan-wanita-teraniaya-jadi-tarikan</a>	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>PUTERI UMNO SOKONG PENUH USAHA KPWK, WUJUD PUSAT SOKONGAN SOSIAL SETEMPAT</b>	
	<a href="https://umno-online.my/2024/02/22/puteri-umno-sokong-penuh-usaha-kpwkm-wujud-pusat-sokongan-sosial-setempat/">https://umno-online.my/2024/02/22/puteri-umno-sokong-penuh-usaha-kpwkm-wujud-pusat-sokongan-sosial-setempat/</a>	UMNO-ONLINE.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

UKK KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

23/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>SESI LIBAT URUS YBM KPWKM BERSAMA-SAMA DENGAN RAKAN STRATEGIK WANITA DAN KELUARGA</b>	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=Nb50TPf9PIM">https://www.youtube.com/watch?v=Nb50TPf9PIM</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>JKM SARAWAK BELI 24 MESIN HAEMODIALISIS PADA 2023 UNTUK DITEMPATKAN DI 14 HOSPITAL SELURUH NEGERI</b>	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/02/22/jkm-sarawak-beli-24-mesin-haemodialisis-pada-2023-untuk-ditempatkan-di-14-hospital">https://www.utusanborneo.com.my/2024/02/22/jkm-sarawak-beli-24-mesin-haemodialisis-pada-2023-untuk-ditempatkan-di-14-hospital</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>PPIP USM SEMAI BAKTI WANITA SEMAI, TUBUH KOPERASI PERTAMA</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/terkini/2024/02/ppip-usm-semai-bakti-wanita-semai-tubuh-koperasi-pertama/">https://www.utusan.com.my/terkini/2024/02/ppip-usm-semai-bakti-wanita-semai-tubuh-koperasi-pertama/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>MENDEPANI CABARAN KENAIKAN KOS PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK</b>	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/02/22/mendepani-cabaran-kenaikan-kos-pendidikan-awal-kanak-kanak/">https://malaysiagazette.com/2024/02/22/mendepani-cabaran-kenaikan-kos-pendidikan-awal-kanak-kanak/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

23/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
9	<b>MENGEMIS SAMPAI BOLEH BELI PROTON X70</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/02/22/mengemis-sampai-boleh-beli-proton-x70/">https://www.kosmo.com.my/2024/02/22/mengemis-sampai-boleh-beli-proton-x70/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.buletintv3.my/jenayah/pengemis-miliki-proton-x70/">https://www.buletintv3.my/jenayah/pengemis-miliki-proton-x70/</a>	BULETINTV3.MY
	<a href="https://says.com/my/news/jkm-night-market-beggar-owns-proton-x70">https://says.com/my/news/jkm-night-market-beggar-owns-proton-x70</a>	SAYS.COM
	<a href="https://thevocket.com/raih-sumbangan-rm500-dalam-5-jam-jkm-terkejut-pengemis-oku-miliki-proton-x70-flagship/">https://thevocket.com/raih-sumbangan-rm500-dalam-5-jam-jkm-terkejut-pengemis-oku-miliki-proton-x70-flagship/</a>	THEVOCKET.COM
	<a href="https://mediavariasi.com/2024/02/pengemis-kantoi-miliki-proton-x70-serta-raih-rm500-dalam-tempoh-4-jam/">https://mediavariasi.com/2024/02/pengemis-kantoi-miliki-proton-x70-serta-raih-rm500-dalam-tempoh-4-jam/</a>	MEDIAVARIASI.COM
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1215571/bawa-proton-x70-premium-mengemis-pasar-malam">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/02/1215571/bawa-proton-x70-premium-mengemis-pasar-malam</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2024/02/1063115/pengemis-kaya-miliki-proton-x70">https://www.hmetro.com.my/utama/2024/02/1063115/pengemis-kaya-miliki-proton-x70</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/650788/edisi/pahang/pengemis-di-pasar-malam-masyuk-miliki-proton-x70">https://www.sinarharian.com.my/article/650788/edisi/pahang/pengemis-di-pasar-malam-masyuk-miliki-proton-x70</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://suara.tv/22/02/2024/pengemis-miliki-proton-x70-flagship/">https://suara.tv/22/02/2024/pengemis-miliki-proton-x70-flagship/</a>	SUARA.TV
	<a href="https://www.malaysiadateline.com/pengemis-kantoi-pandu-kereta-proton-x70-premium-berjaya-raih-rm500-dalam-masa-5-jam/">https://www.malaysiadateline.com/pengemis-kantoi-pandu-kereta-proton-x70-premium-berjaya-raih-rm500-dalam-masa-5-jam/</a>	MALAYSIADATELINE.COM
	<a href="https://www.edisi9.com.my/2024/02/miliki-proton-x70-premium-hasil-mengemis-di-pasar-malam/">https://www.edisi9.com.my/2024/02/miliki-proton-x70-premium-hasil-mengemis-di-pasar-malam/</a>	EDISI9.COM
	<a href="https://bebasnews.my/2024/02/22/mengemis-4-6-jam-dapat-rm500-miliki-proton-x70/">https://bebasnews.my/2024/02/22/mengemis-4-6-jam-dapat-rm500-miliki-proton-x70/</a>	BEBASNEWS.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=3VF_ZiBUmyY">https://www.youtube.com/watch?v=3VF_ZiBUmyY</a>	YOUTUBE



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

23/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
10	<b>DR ANAS DIDAKWA LAKUKAN AMANG SEKSUAL, HASILKAN GAMBAR PORNOGRAFI KANAK-KANAK</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2024/02/1063277/dr-anas-didakwa-lakukan-amang-seksual-hasilkan-gambar-pornografi-kanak-kanak">https://www.hmetro.com.my/utama/2024/02/1063277/dr-anas-didakwa-lakukan-amang-seksual-hasilkan-gambar-pornografi-kanak-kanak</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/02/22/doktor-dituduh-amang-seksual-6-pesakit-kanak-kanak/">https://www.kosmo.com.my/2024/02/22/doktor-dituduh-amang-seksual-6-pesakit-kanak-kanak/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/650811/berita/semasa/doktor-didakwa-hasilkan-pornografi-amang-seksual-kanak-kanak">https://www.sinarharian.com.my/article/650811/berita/semasa/doktor-didakwa-hasilkan-pornografi-amang-seksual-kanak-kanak</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://ohbulan.com/doktor-didakwa-lakukan-amang-seksual-hasilkan-gambar-pornografi-kanak-kanak/">https://ohbulan.com/doktor-didakwa-lakukan-amang-seksual-hasilkan-gambar-pornografi-kanak-kanak/</a>	OHBULAN.COM
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2272557">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2272557</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=Y_VYE1esSJ0">https://www.youtube.com/watch?v=Y_VYE1esSJ0</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/doktor-didakwa-amang-seksual-hasilkan-pornografi-6-pesakit-kanak-kanak/">https://www.buletintv3.my/mahkamah/doktor-didakwa-amang-seksual-hasilkan-pornografi-6-pesakit-kanak-kanak/</a>	BULETINTV3.MY
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/02/22/doktor-didakwa-hasil-pornografi-laku-amang-seksual-terhadap-pesakit-kanak-kanak/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/02/22/doktor-didakwa-hasil-pornografi-laku-amang-seksual-terhadap-pesakit-kanak-kanak/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/02/doktor-dituduh-laku-amang-seksual-hasil-gambar-pronografi-enam-kanak-kanak-2/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/02/doktor-dituduh-laku-amang-seksual-hasil-gambar-pronografi-enam-kanak-kanak-2/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/697023">https://www.malaysiakini.com/news/697023</a>	MALAYSIAKINI.COM
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1215595/doktor-tak-mengaku-salah-tuduhan-amang-seksual">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1215595/doktor-tak-mengaku-salah-tuduhan-amang-seksual</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2024/02/22/doktor-didakwa-atas-tuduhan-buat-pornografi-amang-seksual-kanak-kanak">https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2024/02/22/doktor-didakwa-atas-tuduhan-buat-pornografi-amang-seksual-kanak-kanak</a>	MSTAR.COM.MY
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/02/22/doctor-claims-trial-to-sexually-abusing-child-patients-having-pornography/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/02/22/doctor-claims-trial-to-sexually-abusing-child-patients-having-pornography/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=2oHVEp7QgzM">https://www.youtube.com/watch?v=2oHVEp7QgzM</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/doktor-didakwa-hasilkan-pornografi-amang-seksual-terhadap-pesakit-kanakkanak-459381">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/doktor-didakwa-hasilkan-pornografi-amang-seksual-terhadap-pesakit-kanakkanak-459381</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/02/22/doktor-didakwa-hasilkan-pornografi-amang-seksual-terhadap-pesakit-kanak-kanak">https://www.utusanborneo.com.my/2024/02/22/doktor-didakwa-hasilkan-pornografi-amang-seksual-terhadap-pesakit-kanak-kanak</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=f2MhLz_4myI">https://www.youtube.com/watch?v=f2MhLz_4myI</a>	YOUTUBE



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

23/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
11	<b>CIUM ANAK JIRAN, PENGANGGUR DIPENJARA EMPAT TAHUN, SATU SEBATAN</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1063134/cium-anak-jiran-penganggur-dipenjara-empat-tahun-satu-sebatan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1063134/cium-anak-jiran-penganggur-dipenjara-empat-tahun-satu-sebatan</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2272469">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2272469</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2024/02/22/pemuda-cium-raba-anak-jiran-umur-8-tahun-tepi-tangga-ppr">https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2024/02/22/pemuda-cium-raba-anak-jiran-umur-8-tahun-tepi-tangga-ppr</a>	MSTAR.COM.MY
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/02/22/cium-anak-jiran-penganggur-dipenjara-4-tahun/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/02/22/cium-anak-jiran-penganggur-dipenjara-4-tahun/</a>	FREEMALYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/02/22/penganggur-dijel-empat-tahun-amang-seksual-anak-jiran-di-kawasan-tangga/">https://www.kosmo.com.my/2024/02/22/penganggur-dijel-empat-tahun-amang-seksual-anak-jiran-di-kawasan-tangga/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/02/penganggur-dipenjara-4-tahun-satu-sebatan-lakukan-amang-seksual-fizikal/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/02/penganggur-dipenjara-4-tahun-satu-sebatan-lakukan-amang-seksual-fizikal/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/696944">https://www.malaysiakini.com/news/696944</a>	MALAYSIAKINI.COM
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1215455/cium-dan-raba-budak-penganggur-dihukum-penjara-4-tahun-dan-sebat">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1215455/cium-dan-raba-budak-penganggur-dihukum-penjara-4-tahun-dan-sebat</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://suarasarawak.my/amang-seksual-terhadap-anak-jiran/">https://suarasarawak.my/amang-seksual-terhadap-anak-jiran/</a>	SUARASARAWAK.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penganggur-cium-pipi-anak-jiran-dipenjara-empat-tahun-satu-sebatan-459349?">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penganggur-cium-pipi-anak-jiran-dipenjara-empat-tahun-satu-sebatan-459349?</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://malysiagazette.com/2024/02/22/raba-anak-jiran-penganggur-dipenjara-empat-tahun-satu-sebatan/">https://malysiagazette.com/2024/02/22/raba-anak-jiran-penganggur-dipenjara-empat-tahun-satu-sebatan/</a>	MALYSIAGAZETTE.COM



## Noktah stigma 'datang bulan'

Fairul Asmaini Mohd Pulus  
asmaini@mediaprima.com.my



NANCY (duduk empat dari kin) pada program KASIH Remaja: Sihat & Selamat di Kuching, Sarawak.

MESKIPUN ia adalah proses normal, stigma mengenai haid masih menebal dalam masyarakat.

Justeru, pemahaman masyarakat perlu ditingkatkan supaya remaja perempuan mahupun wanita lebih yakin ketika datang bulan.

Menyadari keperluan itu, KOTEX Malaysia bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengadakan program KASIH Remaja: Sihat & Selamat bagi menangani isu stigma haid dan memperkasakan gadis remaja di seluruh Malaysia.

Inisiatif selama tiga tahun itu membabitkan 600,000 remaja perempuan berusia 13 hingga 17 tahun.

Mereka diperkasakan dengan pendidikan kebersihan haid dan kesihatan reproduktif yang komprehensif.

Inisiatif itu turut disokong Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Yayasan Kebajikan Negara (YKN).

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, pemerkasaan remaja perempuan dengan akses kepada alat kebersihan haid yang betul tidak terhad kepada sanitasi mahupun produk sahaja.

Sebaliknya, ia adalah soal maruah, keyakinan dan potensi penuh mereka.

Untuk itu kata Nancy, pihaknya berusaha memperkasakan gadis remaja dengan pendidikan kebersihan haid dan kesihatan reproduktif melalui kolaborasi berkenaan.

"Inisiatif ini saling melengkapi kerja yang diterajui KPWKM melalui Program KASIH Remaja: Sihat & Selamat yang merangkumi advokasi antigangguan seksual, hak kanak-kanak dan banyak lagi.

"Matlamat kami adalah untuk membina generasi gadis muda yang berdaya tahan dan kami mengalu-alukan kerjasama sektor swasta untuk melanjutkan usaha berkenaan.

"Kerjasama ini menandakan satu langkah penting ke arah mewujudkan generasi gadis yang tidak dihalang stigma haid dan bersedia untuk memimpin," katanya pada majlis pelancaran program itu di Kuching, Sarawak.

Sementara itu, Pengarah Urusan Kimberly-Clark Malaysia, Lim Yu Chien berkata, pihaknya percaya bahawa setiap gadis berhak mengalami haid dengan yakin dan tanpa berasa malu.

Justeru, mereka perlu dilengkapi dengan pengetahuan dan produk untuk menguruskan haid.

"Kami bukan sahaja menyediakan sumber, pendidikan dan produk asas melalui program Kotex She Can Project, malah turut memupuk perbualan terbuka mengenainya untuk mewujudkan masyarakat di mana stigma haid tidak lagi mempunyai tempat.

"Modul pendidikan itu juga akan memberi fokus kepada topik yang lebih luas antaranya mengenai akil baligh hingga kitaran haid, sistem reproduktif, hak tubuh dan banyak lagi.

"Bahan pendidikan itu juga bersesuaian dengan budaya Malaysia dan akan diedarkan bersama dengan kit keyakinan iaitu kit kebersihan haid yang terdiri daripada tuala wanita serta pelapik celana dalam (panty liner) tanpa wangian," katanya.



## Jualan kraftangan wanita teraniaya jadi tarikan

Oleh QURRATUL AINA QUDDUS [Follow](#) 22 Februari 2024 10:56pm Masa membaca: 4 minit



Antara hasil kraftangan yang dihasilkan oleh golongan wanita teraniaya dijual ketika program Town Hall Rakyat bersama Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri.

SHAH ALAM - Pameran dan jualan kraftangan dihasilkan oleh wanita teraniaya kerana ditipu dalam perkahwinan dan pekerjaan antara tarikan reruai dilaksanakan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) di Kompleks Kumpulan Karangkrif pada Khamis.

Ia dilakukan menerusi reruai Rumah Perlindungan Wanita di bawah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) sempena berlangsungnya Town Hall Rakyat bersama Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri.



Antara hasil kraftangan yang dihasilkan oleh golongan wanita teraniaya dijual ketika program Town Hall Rakyat bersama Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri.

Program Town Hall itu menyediakan peluang kepada orang ramai bertanyakan soalan kepada menteri berkaitan isu semasa selain merungkai pelbagai permasalahan yang berlaku di negara ini.



Nancy (kanan) bertanyakan sesuatu kepada kakitangan KPWKM sejurus tiba di Kompleks Kumpulan Karangkrif di Shah Alam.



## Puteri UMNO Sokong Penuh Usaha KPWK, Wujud Pusat Sokongan Sosial Setempat

22 February 2024 [Berita Lain](#) [Berita Utama](#)



KUALA LUMPUR, 22 Feb – Pergerakan Puteri UMNO menyokong penuh usaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) dalam melaksanakan Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS).

Exco Pergerakan Puteri UMNO Malaysia, Reena Awliyatul Imani Reezal Merican berkata, salah satu penyumbang utama kepada peningkatan isu psikososial adalah bermula dari rumah.

"Salah satu penyumbang utama peningkatan isu psikososial adalah bermula dari rumah yang seringkali dinyatakan dalam pelbagai forum di luar sana.

"Perkara ini telah dibincangkan sebaiknya di dalam sesi forum yang turut menekankan kerjasama antara kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) diperkukuhkan.

"Justeru, Puteri UMNO menyokong penuh usaha besar KPWK dalam pelaksanaan PSSS setempat dalam memberi perlindungan serta sokongan kepada golongan sasaran," katanya menerusi satu kenyataan.



Menurutnya, Pergerakan Puteri UMNO akan mencari jalan agar penganjuran program kesihatan mental dapat dilaksanakan bersama-sama.

"Puteri UMNO akan terus mencari jalan untuk bersama-sama dalam penganjuran program kesihatan mental dan cuba untuk mempertingkatkan lagi program yang menentang isu ini supaya lebih ramai dapat kita dekati dalam menyahut seruan ucapan dasar Ketua Puteri UMNO Malaysia di Perhimpunan Agung UMNO (PAU) 2023 sebelum ini," katanya.

**INISIATIF PSSS LANGKAH PROAKTIF KPWK TANGANI ISU MASALAH MENTAL**

Salah satu penyumbang utama peningkatan isu psikososial adalah bermula dari rumah yang seringkali dinyatakan dalam pelbagai forum di luar sana. Perkara ini telah dibincangkan sebaiknya di dalam sesi forum yang turut menekankan kerjasama antara NGO dan Badan Kerajaan diperkukuhkan.

Justeru, Puteri UMNO menyokong penuh usaha besar KPWK dalam pelaksanaan PSSS setempat dalam memberi perlindungan serta sokongan kepada golongan sasaran.

Puteri UMNO akan terus mencari jalan untuk bersama-sama dalam penganjuran program kesihatan mental dan cuba untuk mempertingkatkan lagi program yang menentang kesihatan mental supaya lebih ramai yang kita dapat dekati dalam menyahut seruan ucapan dasar Ketua Puteri UMNO Malaysia di PAU 2023 sebelum ini.


**REENA AWLIYATUL IMANI BINTI REEZAL MERICAN**  
EXCO PERGERAKAN PUTERI UMNO MALAYSIA

[puteriumnomalaysia](#) [puterimaysia](#)

Pada Rabu media melaporkan KPWK telah membuka Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) Transit pertama di Malaysia bernilai RM1.5 juta di tapak kawasan Perumahan Kastam Rantau Panjang.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, PSSS Transit ditubuhkan melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN) bagi membantu menangani isu psikososial khususnya golongan sasar di bawah KPWK.

Menurutnya, sebelum ini kementerian sudah mewujudkan PSSS secara bergerak (mobil) sejak 2021 dengan memberi khidmat secara 'outreach' terus ke kawasan tumpuan dan kali ini menaik taraf dengan mewujudkan PSSS Transit setempat. – *UMNO Online*



## JKM Sarawak beli 24 mesin haemodialisis pada 2023 untuk ditempatkan di 14 hospital seluruh negeri

© 2024-02-22T18:42:56+08:00



Fatimah menyerahkan mesin hemodialisis bernilai RM41,150 kepada Dr Mohd Asri (kanan). Turut kelihatan, Adana (kiri) dan Colliner (tiga kanan).

KUCHING: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak membeli sebanyak 24 mesin haemodialisis secara tender pada 2023 untuk ditempatkan di 14 hospital seluruh negeri dalam usaha membantu melicinkan proses rawatan penyakit buah pinggang.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, satu mesin akan ditempatkan di Pusat Jantung Sarawak di Kota Samarahan dan masing-masing satu di Klinik Kesihatan Debak, Hospital Serian, Saratok, Kanowit, Dalat dan Limbang.

"Hospital Betong, Mukah dan Bintulu masing-masing akan menerima tiga mesin haemodialisis, manakala Hospital Lundu, Sarikei, Lawas dan Klinik Kesihatan Tatau menerima dua mesin.

"Sebuah mesin bernilai RM41,150 dan keseluruhan perbelanjaan pembelian 24 mesin adalah sebanyak RM987,600," ujar beliau ketika berucap pada majlis penyerahan mesin hemodialisis di PJS Kota Samarahan, hari ini.

Hadir sama, Pengarah Pusat Jantung Sarawak Dr Mohd Asri Riffin, Pengarah JKM Sarawak Adana Jed dan Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Colliner Gohe.

Fatimah berkata, mesin hemodialisis yang ditempatkan di hospital-hospital tersebut adalah mengikut keperluan penggunaan pesakit bagi rawatan, selain menggantikan mesin lama.

"Di Pusat Jantung Sarawak umpamanya, bantuan mesin hemodialisis di bawah inisiatif Bantuan Khas Pesakit Buah Pinggang (BKPPB) ini dapat menambah bilangan mesin sedia ada berikutan pertambahan bilangan pesakit yang menjalani rawatan di sana," katanya lagi.


Menurutnya, Pusat Jantung Sarawak juga pernah menerima dua mesin pada 2021 di bawah inisiatif yang sama daripada kerajaan Sarawak.

Mengenai BKPPB, Fatimah berkata sepanjang tempoh 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2023, terdapat 185 penerima BKPPB dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM6,944,780.

Sementara jumlah perbelanjaan Bantuan Khas Pesakit Buah Pinggang di Sarawak setiap tahun masing-masing dicatatkan sebanyak RM2,173,416 pada 2023, RM2,367,836 (2022), RM1,983,076 (2021) dan RM420,452 (2020).

Untuk rekod, BKPPB merupakan inisiatif kerajaan Sarawak untuk membantu meringankan beban pesakit buah pinggang di negeri ini yang memerlukan rawatan untuk penyakit buah pinggang.

Bantuan tersebut telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri mulai Mac 2020.



## PIIP USM semai bakti wanita Semai, tubuh koperasi pertama



Sebahagian peserta dan urus setia PPIP USM dalam program bersama wanita-wanita Orang Asli (Semai) di Batu 14, Tapah, Perak.

Oleh Meja Rencana 22 Februari 2024, 7:40 pm

TAPAH: W.O.A Cooperative (2024) 1.0 membuka jendela 2024 dengan menganjurkan tiga sesi program khusus kepada ahli koperasi yang terdiri daripada wanita Orang Asli (Semai) di Batu 14, Tapah, Perak.

Penubuhan koperasi ini adalah inisiatif yang diambil oleh pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA) Negeri Perak dan Kedah dalam membantu mereka untuk meningkatkan tahap sosioekonomi.

Projek kerjasama Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PIIP), Universiti Sains Malaysia (USM) dan JKOA itu mensasarkan tiga objektif sepanjang program ini dijalankan.

Timbalan Dekan Penyelidikan, Inovasi Dan Libatsama Industri dan Komuniti, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, USM merangkap Ketua Projek W.O.A Cooperative (2024) 1.0, Prof Madya Dr Aziah Ismail berkata program ini bertujuan untuk membantu meningkatkan kemahiran-kemahiran yang perlu dikuasai oleh wanita-wanita pengurus koperasi.

"Kami menyediakan kepakaran dari aspek kemahiran pengurusan organisasi, pengurusan sosioemosi kaum wanita yang menjadi pengurus koperasi dan kemahiran pemasaran digital dan 'networking' yang dirangka dalam tiga sesi program," katanya.

Projek yang bermula pada 13 hingga 15 Februari 2024 lalu dijayakan oleh pensyarah-pensyarah PPIP USM dan pelajar-pelajar pasca siswazah Malaysia, Indonesia dan Pakistan.

Selain itu program ini turut mendapat pengembelangan sokongan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Perak, Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat Negeri Perak (Wanita Perak), Perbadanan Menteri Besar Perak (MB Inc), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Perak, Yakult Malaysia, Free Tree Society (FTS) dan DIRIBUMI Ecological Services.

Semua pihak berkenaan memainkan peranan tersendiri dan inilah di antara kekuatan projek tersebut.



Aktiviti penanaman anak pokok dengan bimbingan Free Tree Society & DIRIBUMI Ecological Services.

Sementara itu, Pengarah JKOA, Hairul Nizam Abd. Rahman berkata pihaknya menyokong penuh projek ini memandangkan ini adalah koperasi wanita Orang Asli pertama di Perak.



Perkongsian ilmu daripada Pengarah JKOA N. Perak dan Kedah, Hairul Nizam Abd. Rahman.

"Memang terdapat banyak koperasi Orang Asli di Perak namun dengan penubuhan koperasi ini, kita mahu melihat wanita-wanita Semai ini keluar daripada zon selesa dan bersedia untuk bersaing dengan dunia luar.

"Kerjasama dan kepakaran daripada USM dan rakan sinergi lain amat kami perlukan," katanya.


Pengarah Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat Negeri Perak (Wanita Perak), Jamilah Zakaria turut menyokong usaha PPIP USM ini memandangkan kaum wanita Orang Asli kini perlu lebih berilitizam untuk membina kerjaya di luar daripada kampung mereka.



Majlis Perasmian Penutupan disempurnakan oleh Jamilah Zakaria iaitu Pengarah Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat Negeri Perak (Wanita Perak).

"Walaupun baru setahun ditubuhkan, saya yakin Koperasi Wanita Orang Asli ini mampu melangkah jauh berdasarkan komitmen tinggi semua ahli koperasi.

"Mereka telah didedahkan dengan karnival usahawan, bengkel, kursus dan program ini merupakan booster untuk mereka lebih yakin memacu peranan sebagai usahawan melalui koperasi," ujarnya.-UTUSAN



# Mendepani cabaran kenaikan kos pendidikan awal kanak-kanak

Oleh Surat Pembaca - 22 February 2024



Tadika: Gambar hiasan

**PENINGKATAN** kos sara hidup yang tinggi pada hari ini memberi cabaran besar buat setiap warganya terutama para ibu bapa yang mempunyai anak-anak bersekolah.

Disebalik cita-cita menyediakan kehidupan yang terbaik buat anak-anak, ibu bapa perlu berhadapan dengan pelbagai cabaran terutamanya peningkatan kos untuk membesar dan memberikan pendidikan berkualiti kepada mereka.

Yuran-yuran berkaitan pendidikan yang perlu dibayar boleh mencecah hampir separuh daripada pendapatan isi rumah.

Situasi ini pastinya lebih dirasakan oleh mereka yang tinggal di bandar-bandar utama seperti di Lembah Klang, Penang dan Johor Bharu.

Secara umumnya, kos membesarkan anak-anak adalah berbeza bagi setiap peringkat umur. Menurut artikel yang dikeluarkan oleh syarikat insurans AIA, kos sebenar membesarkan seorang anak sejak lahir hingga tamat pengajian universiti di Malaysia boleh mencecah kira-kira RM4 00,000 hingga RM1,000 000.

Ini termasuk kos bersalin, mengasuh, sekolah dan yuran universiti.

Kos terbesar yang selalunya ditanggung ibu bapa ialah ketika anak mereka perlu melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi.

Namun begitu, isu yang lebih kritikal ialah kos membesar dan menyediakan pendidikan awal kepada anak-anak. Jika kedua-dua ibu bapa bekerja, maka kos mengasuh anak-anak ini sudah pasti sangat membebankan.

Menurut kajian yang dikeluarkan Babycenter mendapati lebih 80% ibu bapa Malaysia bergantung kepada pihak ketiga untuk penjagaan kanak-kanak.

Ini dipecahkan kepada 41 peratus yang bergantung kepada ibu dan bapa masing-masing atau saudara mara manakala baki 39 peratus pula bergantung kepada perkhidmatan pengasuh anak atau taska.

Harga yuran tidak munasabah Kebanyakan ibu-bapa bekerja di Malaysia mula menghantar anak seawal usia 3 bulan hingga berumur empat tahun ke taska untuk tujuan mengasuh dan memberi pendidikan awal kanak-kanak manakala di usia lima hingga enam tahun, mereka akan mula memasuki sistem pendidikan secara formal di Taman Didikan Kanak-Kanak yang juga dikenali sebagai tadika.

Inilah tempoh yang sering di katakan sangat mendesak dan mengcengkam kewangan ibu dan bapa.

Misalnya di Pulau Pinang, ada sesetengah taska kini mengenakan yuran pendaftaran sehingga mencecah RM2,500 dan yuran bulanan untuk sesi separuh hari sebanyak RM400.

Hal ini diakui sendiri oleh Pengerusi Keilmuan Nasional Negeri Pulau Pinang (KNNPP), Azdy Mohd. Arshad yang disiarkan oleh Utusan Harian bertarikh 22 Oktober 2023.

Menurut beliau, pihaknya menerima banyak aduan dan rungutan berkaitan tindakan pihak pengusaha taska dan tadika swasta yang mengenakan yuran pendaftaran dan yuran bulanan yang sangat tinggi, malah ada yang meletakkan harga tidak munasabah sekali gus membebankan ibu bapa.

Manakala, laporan Sinar Harian bertarikh 31 Mei 2023 mendedahkan, situasi lebih getir dialami oleh para ibu bapa di Lembah Klang yang perlu membelanjakan kira-kira RM900 sehingga RM4,000 bagi membayar yuran pendaftaran serta tahunan untuk seorang anak ke taska dan tadika swasta.

Secara purata pasangan muda yang tinggal di bandar raya perlu membayar di antara RM300 hingga RM2,000 sebulan, tidak termasuk caj pendaftaran bagi setiap anak, seawal usia bayi hingga enam tahun serta kos pengangkutan.

Golongan paling terkesan dengan kos ini semestinya adalah mereka dalam kumpulan pertengahan atau M-40. Mereka perlu membayar cukai pendapatan individu dan tidak berkecukupan untuk memperoleh subsidi taska dan tadika.

Jika seorang anak mereka perlu membelanjakan kira-kira RM 1000 pada setiap bulan, bayangkan sekiranya mereka mempunyai lebih daripada seorang anak yang perlu dihantar ke taska atau tadika. Boleh jadi akan tertanam dibenak fikiran mereka untuk tidak memiliki anak yang lebih ramai bagi membolehkan mereka menabung sedikit wang bagi kegunaan masa depan.

Pada Julai 2019, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), pernah melaporkan bahawa kos penjagaan dan pendidikan awal anak-anak yang tinggi, dikesan antara penyumbang beban kewangan pasangan muda berusia di antara 20 hingga 40 tahun hingga ramai terjerat masalah hutang yang serius.

Manakala, kajian Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN) pada tahun yang sama turut menunjukkan seorang daripada setiap dua lelaki dan dua daripada setiap lima wanita berkahwin mengakui berdepan masalah mengurus perbelanjaan pendidikan awal anak-anak.

## Kerajaan mesti campur tangan

Mendepani cabaran kenaikan pelbagai kos dan inflasi global hari ini, kerajaan harus memainkan peranan dan menentukan pelaburan yang terbaik untuk masa depan negara. Trend generasi hari ini yang cenderung mengelak berkahwin pada usia muda dan lebih memberi fokus kepada kerjaya dilihat bakal memberi masalah kepada kadar kesuburan dan kelahiran dalam negara.

Menurut Jabatan Perangkawan Malaysia, Kadar Kesuburan Jumlah (TFR) 2022 di Malaysia merekodkan penurunan dengan 1.6 anak bagi setiap perempuan berusia 15 hingga 49 tahun berbanding 1.7 anak pada 2021.

Kadar tersebut adalah terendah sejak lima dekad lalu dengan 4.9 anak bagi setiap perempuan pada 1970. Antara faktor penting menyebabkan masalah ini ialah kos membesarkan anak-anak adalah tinggi.

Malah, menurut Majlis Keselamatan Negara (MKN), Malaysia juga dijangka menjadi negara tua menjelang tahun 2030 apabila penduduk negara ini merangkumi warganegara yang berusia lebih 60 tahun dalam pola 15.3 peratus daripada jumlah penduduk negara.

Justeru, adalah penting untuk kerajaan meletakkan pelbagai insentif dan galakan kepada orang muda untuk berkahwin dan memiliki anak.


Cabaran membendung kos pendidikan awal kanak-kanak seperti yuran taska atau tadika, peralatan dan bahan-bahan pembelajaran dan aktiviti ekstrakurikular harus di selesaikan dengan polisi-polisi yang mampu menyokong rakyat terutama golongan muda dan kumpulan berpendapatan pertengahan.

Kerajaan juga disaran untuk mewujudkan harga siling sekitar RM400 ke RM600 bagi yuran pendaftaran dan RM150 ke RM300 bagi yuran bulanan untuk seluruh taska dan tadika swasta di negara ini.

Dalam jangka masa panjang, kerajaan perlu berusaha mewujudkan lebih banyak lagi tadika milik kerajaan seperti tadika KEMAS dan tadika Perpaduan di setiap kawasan perumahan selain mewujudkan kelas prasekolah di setiap sekolah rendah yang menawarkan harga yang lebih berpatutan. – MalaysiaGazette

Oleh Mohd Hafizudin Mohd Yahaya (Yayasan Strategik Lestari)

Yayasan Strategik Lestari



## Mengemis sampai boleh beli Proton X70

Oleh NURUL IZZATI ZAINI 22 Februari 2024, 11:38 am



Antara gambar yang dimuat naik JKM Maran di akaun Facebook memaparkan gambar pengemis berkenaan bersama kereta Proton X70 miliknya.

PETALING JAYA – Dengan hanya mengemis selama empat hingga lima jam, seorang lelaki meraih RM500 sehari sehingga mampu memiliki sebuah kereta model Kenderaan Sukan Utiliti (SUV) jenis Proton X70.

Perkara tersebut didedahkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Maran, Pahang di akaun Facebooknya hari ini selepas menjalankan operasi membanteras pengemis di sekitar pasar malam Sri Jaya, Maran, semalam.

Ujarnya, lelaki warga tempatan yang berjubah serta berkopiah itu akan duduk di celahan payung peniaga pasar malam sambil memegang beg kertas untuk meminta simpati orang ramai yang lalu lalang.

Setelah pihak penguatkuasa JKM Maran menghampiri pengemis tersebut dan bertanyakan tujuan beliau meminta sedekah, lelaki itu berakon seperti seorang yang pekak dan bisu sambil memegang beg kertas yang dipenuhi kepingan duit kertas.

"Berkali-kali penguatkuasa JKM meminta kad pengenalan bagi tujuan rekod operasi pada hari ini tetapi tidak mendapat respon daripada lelaki tersebut. Setelah didesak barulah lelaki tersebut bersuara.

"Normal rupanya. Beliau bukanlah seorang yang pekak dan bisu. Cuma seorang orang kurang upaya (OKU) fizikal (kedua-dua belah tangannya tidak normal). Beliau mengatakan bahawa kad pengenalannya berada di dalam kereta.


"Penguatkuasa JKM mengekori lelaki tersebut ke keretanya. Percaya atau tidak, seorang yang tadinya hanya berdiri meraih simpati orang ramai atas kekurangan dirinya memandu sebuah Proton X70 Flagship," katanya.

Tambah hantaran tersebut, siasatan lanjut dijalankan mendapati pengemis itu tinggal di Balok, Kuantan dan akan ke pasar-pasar malam untuk menjalankan aktiviti pengemis.

"Semakan juga mendapati lelaki itu menerima Elaun Pekerja OKU daripada pihak JKM sebanyak RM450 sebulan sejak tahun 2001 lagi. Dia juga mengakui bahawa kereta Proton X70 Flagship tersebut adalah miliknya," ujarnya.

Menurut JKM Maran lagi, hasil kutipan daripada aktiviti pengemis lelaki itu boleh mencecah sehingga RM500 bagi tempoh empat hingga lima jam berada di pasar-pasar malam.

"Lelaki tersebut dilepaskan dengan amaran oleh penguatkuasa JKM. Kita ingin ingatkan, tidak salah orang ramai untuk bersedekah tetapi bersedekah kepada orang dan tempat yang betul," ujarnya. – KOSMO! ONLINE.



## Dr Anas didakwa lakukan amang seksual, hasilkan gambar pornografi kanak-kanak

Rosli Ilham  
am@hmetro.com.my



DR Anas dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kemaman atas tuduhan melakukan amang seksual. FOTO Rosli Ilham

Kemaman: Seorang pegawai perubatan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kemaman, hari ini, atas pertuduhan melakukan amang seksual dan menghasilkan gambar pornografi terhadap enam kanak-kanak.

Dr Anas Ramli, 32, membuat pengakuan tidak bersalah itu selepas kesemua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Wan Suhaila Mohd.

Tertuduh yang berasal dari Chukai, Kemaman didakwa atas lima kesalahan menghasilkan pornografi dalam bentuk gambar terhadap lima kanak-kanak berusia antara tujuh hingga 11 tahun ketika bertugas di Hospital Kemaman.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di wad yang sama iaitu pada hujung Disember 2022 hingga Februari 2023.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 5 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (AKKSTKK) yang dibaca bersama Seksyen 16 (1) akta yang sama.

Dr Anas juga didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa berusia 12 tahun di sebuah bilik rawatan di hospital terbabit antara jam 5.45 petang hingga 6.40 petang pada 8 Februari 2023.

Justeru tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14(a) AKKSTKK 2017 dibaca bersama Seksyen 16(1) akta yang sama.

Wan Suhaila kemudiannya mengarahkan tertuduh dikenakan ikat jamin sebanyak RM30,000 dengan seorang penjamin.

Wan Suhaila juga mengarahkan tertuduh menyerahkan pasport kepada pihak mahkamah dan melaporkan diri setiap bulan di balai polis terdekat.


Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Syairah Mohamad Razali manakala tertuduh diwakili peguam, Faizal Rahman.

Sementara itu, di Mahkamah Majistret, tertuduh turut mengaku tidak bersalah atas dakwaan memiliki gambar lucah yang disimpan di dalam telefon bimbitnya pada 1 November 2022 antara jam 7.30 pagi hingga 10 pagi di Dewan Bedah Hospital Kemaman.

Tertuduh yang didakwa mengikut Seksyen 292 Kanun Keseksaan berdepan hukuman penjara sehingga tiga tahun serta denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Bagi pertuduhan itu, Majistret Sharifah Amirda Shasha membenarkan tertuduh diikat jamin RM3,500 dengan seorang penjamin dan tertuduh juga dikenakan syarat tidak dibenarkan mengganggu serta mendekati saksi sepanjang prosiding.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nur Azhani Azman dan mahkamah menetapkan 21 Mac ini sebagai tarikh sebutan semula kes untuk serahan dokumen.



## Cium anak jiran, penganggur dipenjara empat tahun, satu sebatan

Suraya Roslan  
surayaroslan@mediaprima.com.my



Kuala Lumpur: Seorang penganggur dipenjara empat tahun dan satu sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, hari ini kerana melakukan amang seksual fizikal terhadap anak jirannya di sebuah Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Sungai Besi, dua tahun lalu.

Mohamad Zulkhairi Rosli, 22, dikenakan hukuman itu selepas menukar pengakuan kepada bersalah atas pertuduhan yang dibaca di hadapan Hakim Mohd Kaffi Che Ali.

Mahkamah memerintahkan lelaki bujang itu menjalani hukuman penjara bermula dari tarikh tangkap pada 3 Ogos tahun lalu.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa melakukan amang seksual fizikal termasuk mencium pipi seorang kanak-kanak perempuan berusia lapan tahun empat bulan (ketika kejadian) bagi tujuan seksual di kawasan tangga tingkat 11 di sebuah PPR di Sungai Besi pada 3.30 petang, 25 Jun 2022.


Dia didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebatan.

Mengikut fakta kes, seorang wanita berusia 28 tahun yang juga ibu mangsa mendapati anak perempuannya masuk ke dalam rumah dalam keadaan tergesa-gesa dan ketakutan.

Apabila ditanya, mangsa memberitahu seorang lelaki memanggilnya ke arah tangga, kemudian terus mencium pipi dan merabanya, mangsa yang terkejut dan takut terus menolak lelaki itu serta berjaya melarikan diri.

Mendengar kenyataan itu, ibu mangsa membuat laporan polis dan lelaki itu ditahan di hadapan sebuah surau pada 3 Ogos tahun lalu.

Dalam prosiding hari ini, Timbalan Pendakwa Raya Noorhani Muhmmmed Ayub memohon hukuman penjara dan sebat sebagai pengajaran dengan mengambil kira mangsa berusia lapan tahun manakala lelaki itu merayu dikenakan hukuman ringan.



TAJUK : CIUM PIPDI DI TANGGA

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 23 FEB 2024

M/SURAT : 24

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# Cium pipi di tangga

*Pengganggu dipenjara 4 tahun, satu sebatan cabul anak jiran*

Oleh Suraya Roslan  
[surayaroslan@mediapri-  
ma.com.my](mailto:surayaroslan@mediapri-<br/>ma.com.my)

## Kuala Lumpur

Seorang pengganggu dipenjara empat tahun dan satu sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam kerana melakukan amang seksual fizikal terhadap anak jirannya di sebuah Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Sungai Besi, dua tahun lalu.

Mohamad Zulkhairi Rosli, 22, dikenakan hukuman itu selepas menukar pe-

ngakuan kepada bersalah atas pertuduhan yang dibaca di hadapan Hakim Mohd Kaffli Che Ali.

Mahkamah memerintahkan lelaki bujang itu menjalani hukuman penjara bermula dari tarikh tangkap, 3 Ogos tahun lalu.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa melakukan amang seksual fizikal termasuk mencium pipi seorang kanak-kanak perempuan berusia lapan tahun empat bulan (ketika kejadian) bagi tujuan seksual di kawasan tangga tingkat 11 di sebuah PPR di Sungai Besi pada jam 3.30

petang, 25 Jun 2022.

Dia didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebatan.


Mengikut fakta kes, seorang wanita berusia 28 tahun yang juga ibu mangsa mendapati anak perempuannya masuk ke dalam rumah dalam keadaan tergesa-gesa dan ketakutan.

Apabila ditanya, mangsa memberitahu seorang lelaki memanggilnya ke arah tangga, kemudian terus mencium pipi dan mera-

banya, mangsa yang terkejut dan takut terus menolak lelaki itu serta berjaya melarikan diri.

Mendengar kenyataan itu, ibu mangsa membuat laporan polis dan lelaki itu ditahan di hadapan sebuah surau pada 3 Ogos tahun lalu.

Dalam prosiding semalam, Timbalan Pendakwa Raya, Noorhani Muhmmmed Ayub memohon hukuman penjara dan sebat sebagai pengajaran dengan mengambil kira mangsa berusia lapan tahun manakala lelaki itu merayu dikenakan hukuman ringan.



TAJUK : TADAH EMPAT JAM DAPAT RM500

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 23 FEB 2024

M/SURAT : 31

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

# Tadah empat jam dapat **RM500**

*Lelaki OKU bertangan kecil, mampu miliki kereta SUV hasil kegiatan mengemis di pasar malam*

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin  
[nurul.hidayah@hmetro.com.my](mailto:nurul.hidayah@hmetro.com.my)

## Kuala Lumpur

**H**anya berbekalkan 'muka simpati', seorang lelaki mampu memiliki kenderaan utiliti sukan (SUV) Proton X70, hasil kegiatan mengemis.

Kegiatan lelaki itu terbongkar dalam operasi membanteras aktiviti pengemis dijalankan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Maran di pasar malam Sri Jaya, Maran, Pahang, malam kelmarin.

Menerusi hantaran di Facebook, JKM Maran memaklumkan pihaknya menemui lelaki tempatan di pasar malam itu yang menjalankan aktiviti mengemis.

"Seorang lelaki Melayu berjubah dan berkopiah berdiri di celah payung penerangan pasar malam sambil

memegang beg kertas meminta simpati orang ramai yang lalu-lalang.

"Kedua-dua tangan lelaki terbabit kelihatan kecil tidak seperti tangan manusia normal.

"Pegawai penguat kuasa JKM Maran menghampiri lelaki itu dan bertanya tujuan meminta sedekah, namun pertanyaan itu tidak dijawab," katanya.

Menurutnya, lelaki itu pada mulanya kelihatan seperti individu pekak dan bisu dengan pemeriksaan dilakukan mendapati terdapat kepingan wang kertas di dalam beg dipercayai hasil sedekah pengunjung pasar malam itu.

"Pihak JKM berkali-kali

meminta kad pengenalan bagi tujuan rekod operasi, tetapi tidak mendapat respons daripada lelaki itu.

"Selepas didesak, baru lelaki itu bersuara dan memberitahu dia bukan individu pekak dan bisu, cuma orang kurang upaya (OKU) fizikal iaitu kedua-dua tangan tidak normal," katanya.

Katanya, lelaki itu memaklumkan kad pengenalan miliknya berada di dalam kenderaan.

"Penguat kuasa JKM mengekori lelaki itu ke kenderaannya dan mendapati dia hanya berdiri meraih simpati orang ramai atas kekurangan dirinya, tetapi memandu Proton X70 Pre-



**LELAKI OKU** yang ditahan penguat kuasa JKM di pasar malam Sri Jaya, Maran mengakui memiliki kereta Proton X70 Premium.

mium.

"Siasatan mendapati lelaki itu tinggal di Balok, Kuantan dan ke pasar malam untuk mengemis," katanya.

Menurutnya, semakan mendapati lelaki itu me-


nerima Elaun Pekerja OKU daripada JKM, RM450 sebulan sejak 2001.

"Lelaki itu mengaku kereta Proton X70 Premium itu miliknya, selain memaklumkan hasil kutipan aktiviti mengemis boleh

mencecah sehingga RM500 bagi tempoh empat hingga enam jam di pasar malam.

"Lelaki terbabit dilepaskan dengan amaran oleh pihak penguat kuasa JKM," katanya.

**"Lelaki itu pada mulanya kelihatan seperti individu pekak dan bisu dengan pemeriksaan dilakukan mendapati terdapat kepingan wang kertas di dalam beg dipercayai hasil sedekah pengunjung pasar malam itu"**



TAJUK : WELFARE DEPT ALLOCATED 24 KIDNEY DIALYSIS MACHINES FOR 14 HEALTH CENTRES

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 23 FEB 2024

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Welfare dept allocates 24 kidney dialysis machines for 14 health centres

**KOTA SAMARAHAN:** The state Welfare Department has allocated a total of 24 haemodialysis machines for distribution to 14 health centres throughout Sarawak, said Dato Sri Fatimah Abdullah.

The Minister of Women, Childhood and Community Wellbeing Development said the RM987,600 worth of devices would raise the standard of care to patients with kidney failure.

"The distribution will include one at Sarawak Heart Centre, two at Lundu Hospital and one at Serian Hospital. Hospitals in Betong, Bintulu and Mukah will receive three machines each.

"The Debak health clinic, as well as hospitals in Saratok, Kanowit, Dalat and Limbang, will receive one machine each, while Tatau health clinic and hospitals in Lawas and Sarikei will each receive two machines," she disclosed.


Fatimah said this during the handover of a haemodialysis machine costing RM41,150 to the Sarawak Heart Centre here yesterday, under the Kidney Patient Special Assistance (BKPBP) initiative

The initiative, she said, is part of the state's government efforts to lessen the burden on the vulnerable groups.

"Up until 2023, the Sarawak government has spent a total of RM6,944,780, covering 185 BKPBP recipients.

"The highest expenditure was recorded in 2022, amounting to RM2,367,836," she said, adding that a total of 87 patients received treatment at haemodialysis units throughout Sarawak last year.

Among those present at the handover ceremony were Sarawak Heart Centre director Dr Mohd Asri Riffin, Welfare Department director Adana Jed, and the ministry's acting permanent secretary Colliner Gohe.



TAJUK : JKM SARAWAK BELI 24 MESIN HEMODIALISIS UNTUK DITEMPATKAN DI 14 HOSPITAL

HARI : JUMAAT

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 23 FEB 2024

M/SURAT : 01

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## JKM Sarawak beli 24 mesin hemodialisis untuk ditempatkan di 14 hospital



**SAMPAIKAN:** Fatimah menyerahkan mesin hemodialisis bernilai RM41,150 kepada Dr Mohd Asri (kanan). Turut kelihatan, Adana (kiri) dan Colliner (tiga kanan).

**KUCHING:** Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak membeli sebanyak 24 mesin hemodialisis secara tender pada 2023 untuk ditempatkan di 14 hospital seluruh negeri dalam usaha membantu melicinkan proses rawatan penyakit buah pinggang.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, satu mesin akan ditempatkan di Pusat Jantung Sarawak (PJS) Kota Samarahan dan masing-masing satu di Klinik Kesihatan Debak, Hospital Serian, Saratok, Kanowit, Dalat dan Limbang.

"Hospital Betong, Mukah dan Bintulu masing-masing akan menerima tiga mesin hemodialisis, manakala Hospital Lundu, Sarikei, Lawas dan Klinik Kesihatan Tatau menerima dua mesin.

"Sebuah mesin bernilai RM41,150 dan keseluruhan perbelanjaan pembelian 24 mesin adalah sebanyak RM987,600,"

ujar beliau ketika berucap pada majlis penyerahan mesin hemodialisis di PJS Kota Samarahan, semalam.

Hadir sama, Pengarah Pusat Jantung Sarawak Dr Mohd Asri Riffin, Pengarah JKM Sarawak Adana Jed dan Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Colliner Gohe.

Fatimah berkata, mesin hemodialisis yang ditempatkan di hospital-hospital tersebut adalah mengikut keperluan penggunaan pesakit bagi rawatan, selain menggantikan mesin lama.

"Di PJS umpamanya, bantuan mesin hemodialisis di bawah inisiatif Bantuan Khas Pesakit Buah Pinggang (BKBPB) ini dapat menambah bilangan mesin sedia ada berikutan pertambahan bilangan pesakit yang menjalani rawatan di sana," katanya lagi.

Menurutnya, PJS juga pernah menerima

dua mesin pada 2021 di bawah inisiatif yang sama daripada kerajaan Sarawak.

Mengenai BKBPB, Fatimah berkata sepanjang tempoh 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2023, terdapat 185 penerima BKBPB dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM6,944,780.

Sementara jumlah perbelanjaan Bantuan Khas Pesakit Buah Pinggang (BKP) di Sarawak setiap tahun masing-masing dicatatkan sebanyak RM2,173,416 pada 2023, RM2,367,836 (2022), RM 1,983,076 (2021) dan RM420,452 (2020).

Untuk rekod, BKBPB merupakan inisiatif kerajaan Sarawak untuk membantu meringankan beban pesakit buah pinggang di negeri ini yang memerlukan rawatan untuk penyakit buah pinggang.

Bantuan tersebut telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) mulai Mac 2020.